



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

TERIMA KASIH CIKGU

Tarikh Dibaca:

**8 ZULKAEDAH 1445H /
17 MEI 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TERIMA KASIH CIKGU

17 MEI 2024 / 8 ZULKAEDAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ

الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ (سورة البقرة) (151)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Terima Kasih Cikgu**”.

Sebelum itu, saya ingin mengajak seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang sekian lama menjadi mangsa kekejaman rejim

zionis Israel *laknatullahi alaihim*. Semoga mereka semua segera bebas merdeka dan memiliki kembali tanah air mereka. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya dan seluruh dunia umumnya dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan dan huru-hara serta dijauhkan dari sebarang bentuk pertelingkahan dan peperangan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Perjalanan hidup kita - selain dari berkat usaha, perahan keringat dan iringan doa ibu bapa - ada jasa dan sumbangan yang tidak kurang besarnya dimainkan oleh para guru. Tidak kiralah sama ada guru di peringkat awal persekolahan, yang mengajar kita membaca, mengira dan menulis, seterusnya peringkat rendah dan menengah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi, juga termasuklah guru-guru yang mengajar kita walau tidak formal seperti dalam kuliah-kuliah di masjid dan surau.

Guru ialah insan yang memiliki kedudukan yang sangat mulia. Mereka merupakan “ibu bapa kedua”, yang turut bertanggungjawab selain ibu bapa dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berakhlak mulia. Kerjaya sebagai guru merupakan antara pekerjaan yang mulia dan dipandang tinggi. Malah, seseorang yang bergelar guru akan tetap dipanggil guru atau cikgu sehinggalah dia meninggal dunia sekalipun.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Para guru memiliki segunung ilmu untuk dicurahkan pula kepada anak murid. Mereka mengorbankan jiwa dan raga mereka mendidik ramai pelajar yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama tanpa penat lelah kerana para guru menyedari bahawa mereka sedang mendidik anak bangsa yang nantinya akan mentadbir dan memimpin negara di masa hadapan kelak. Oleh sebab itu, betapa mulianya para guru ini yang memiliki kelebihan ilmu yang disebutkan dalam sebuah hadis. Diriwayatkan oleh Abu Darda' RA, bahawa Nabi SAW:

وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالِمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ

Maksudnya: “Sesungguhnya kelebihan orang yang alim dibanding dengan ahli ibadah ialah seperti bulan pada malam purnama atas seluruh bintang”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Para guru juga mendapat jaminan pahala kerana menunjukkan jalan ilmu dan kebaikan. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الدَّالَّ عَلَى الْخَيْرِ كَفَاعِلِهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang menunjuk kepada perkara kebaikan, pahalanya seperti orang yang melakukannya”. (Hadis riwayat al-Tirmidzi)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Selayaknya, guru dihormati dan dipelihara dari segenap sudut termasuklah dari segi kebajikan mereka. Imam al-Ghazali pernah berkata: “*Menghormati dan memuliakan guru merupakan tugas dan kewajipan kita sebagai anak dan murid. Guru bagaikan orang tua kita sendiri yang wajib kita hormati dan muliakan*”.

Kita juga hendaklah sentiasa beradab dengan guru sama ada melalui perbuatan, atau percakapan. Para ulama terdahulu cukup beradab dan sangat menghormati para guru mereka. Diceritakan oleh Imam al-Syafie: “*Aku membuka halaman kertas di hadapan Imam Malik perlahan-lahan kerana bimbang beliau mendengar bunyi kertas tersebut*”. Begitu juga sebagaimana diceritakan oleh al-Rabi’ bin Sulaiman: “*Aku tidak berani meneguk air apabila Imam Syafie berada di hadapanku kerana menghormatinya*”.

Manakala Ata’ bin Abi Robah pula menceritakan bahawa: “*Aku pernah mendengar seseorang menceritakan sesuatu sedangkan aku lebih mengetahui tentang perkara itu. Namun, aku tetap mendengarnya dan berpura-pura tidak tahu langsung tentang perkara tersebut*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kita juga hendaklah berterima kasih kepada guru-guru yang telah banyak berjasa kepada kita. Allah SWT mengangkat martabat seorang guru dan pendidik yang benar-benar ikhlas menyampaikan ilmu. Oleh itu, dalam masa yang sama juga para guru dan pendidik hendaklah melaksanakan tugas yang mulia ini dengan penuh ikhlas dan amanah sesuai dengan kemuliaan yang diberikan oleh Islam. Imam al-Mawardi membekalkan sebuah nasihatnya kepada para guru:

وَمِنْ آدَابِهِمْ: أَنْ يَقْصِدُوا وَجْهَ اللَّهِ بِتَعْلِيمٍ مَنْ عَلَّمُوا وَيَطْلُبُوا ثَوَابَهُ بِإِرْشَادٍ مَنْ أَرَشَدُوا،
مَنْ غَيْرَ أَنْ يَعْتَاضُوا عَلَيْهِ عَوَضًا، وَلَا يَلْتَمِسُوا عَلَيْهِ رِزْقًا

Maksudnya: “Antara adab mereka (guru) ialah menjadikan matlamat mendapat keredhaan Allah dengan mengajar sesiapa yang mereka ajar, mengharapkan ganjaran Allah SWT dengan memberi tujuk ajar kepada mereka yang diberi tunjuk ajar tanpa mengharapkan gantian dan tanpa mengharapkan rezeki daripadanya”.

Doakanlah kesejahteraan mereka sebagaimana dianjurkan oleh Rasulullah SAW:

مَنْ صَنَعَ إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافِئُوهُ ، فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا مَا تُكَافِئُونَهُ فَادْعُوا لَهُ حَتَّى تَرَوْا أَنْكُمْ
قَدْ كَفَأْتُمُوهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang berbuat kepada kamu kebaikan maka balaslah. Jika kamu tidak mempunyai sesuatu untuk membalasnya, maka doakanlah dia, sehingga kamu merasakan bahawa kamu sudah membalasnya”. (Hadis riwayat Abu Daud)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, yang didedikasikan khusus buat para guru sempena Hari Guru, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan;

Pertama: Para guru boleh dianggap sebagai ibu bapa kedua kita yang turut bertanggungjawab membentuk peribadi kita sehingga ke hari ini. Mereka hendaklah melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan amanah.

Kedua: Selayaknya guru itu dipelihara kebajikannya dan kita bertanggungjawab juga untuk menghormati dan beradab dengan mereka.

Ketiga: Kita hendaklah mendoakan kesejahteraan para guru dan berterima kasih kepada mereka atas jasa dan sumbangan mereka dalam memandaikan anak bangsa termasuklah kita dan anak-anak kita.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mujaadalah ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ
اذْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Bersempena penganjuran **Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2024M** anjuran **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dan **Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur** yang akan bermula pada **23 – 28 Mei 2024**, marilah kita mengambil sebanyak-banyaknya *ibrah* dan hikmah yang terkandung pada ayat-ayat suci al-Quran yang akan diperdengarkan oleh *qari* dan *qariah* dari seluruh Malaysia. Semoga cahaya al-Quran akan terus menjadi “guru” yang akan membimbing kita semua meniti jalan menuju rahmat dan keredhaan Allah SWT.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغِ د-قُرَتَوَانِ اِكُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاكِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغُ، رَاكِ
زَارِيثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَتْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ ارْحَمْ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.
اللَّهُمَّ اكْشِفِ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غُرَّةٍ وَأَهْلِهَا، وَأَنْ
تَنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَّةَ عَنْ
أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَانصُرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَأَيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.